

KEARIFAN SIMBOL BINATANG SAKRAL DALAM ENSERA SANGKUH AGUNG: TAFSIRAN MAKNA SPIRITUAL

THE WISDOM OF SACRED ANIMAL SYMBOLS IN ENSERA SANGKUH AGUNG: AN INTERPRETATION OF SPIRITUAL MEANING

Telma Anak Harry^{1*}
Roslih Kiting²

^{1,2} Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak.

telma_harry@yahoo.com*

Dihantar/Received: 24 Nov 2025 | Penambahbaikan/Revised: 01 Dec 2025
Diterima/Accepted: 05 Dec 2025 / Terbit/Published: 25 Dec 2025

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.v15i2.7158>

ABSTRAK

Penulisan ini bertujuan merungkai simbol binatang sakral dalam *Ensera Sangkuh Agung* bagi memahami makna spiritual. Sastera rakyat seperti *ensera* kaya dengan retorik bahasa memuatkan simbol, lambang, tanda dan penanda. *Tukang ensera* menyampaikan neratif cerita melalui pengalaman yang tinggi untuk disampaikan kepada pendengar secara lisan atau bertulis. Proses ini memerlukan pembaca memahami struktur pemikiran pengarang yang menggabungkan seni dengan diksi sastera menggunakan perlambangan dalam sosiobudaya orang Iban. Penerapan elemen epik dalam *ensera* Iban diwarnai dengan pelbagai watak pahlawan yang digambarkan dengan perlambangan haiwan untuk menyampaikan semangat spiritual kuasa sakti penuh keajaiban serta misteri. Kaedah kajian yang digunakan adalah kualitatif menerusi temu bual semi-struktur melalui responden penulis *ensera* masyarakat Iban. Teori Estetika Bersepadu Edmund Burke telah diaplikasikan untuk merungkai perlambangan dan makna spiritual dalam *ensera*. Instrumen kajian menggunakan *Ensera Sangkuh Agung* dan protokol soalan temu bual semi-struktur. Dapatan kajian mengkategorikan dua perlambangan binatang sakral iaitu mamalia dan reptilia. Mamalia terdiri daripada *remaung* dan kijang. Reptilia ialah *tekura* dan ular sawa. Binatang ini memiliki unsur spiritual dan sakral kerana mereka memiliki kekuasaan yang melebihi kemampuan seekor binatang. Semua binatang sakral dalam *ensera* membantu pengembaraan Pandak Seregatak. Implikasi kajian menjadi sumber inspirasi kepada pengarang baru dalam terus menghasilkan karya yang bermutu untuk para pembaca. Pelaksanaan kajian ini juga merupakan salah satu langkah dalam memperlihatkan budaya sesebuah bangsa diperingkat antarabangsa.

Kata Kunci : kearifan, binatang, sakral, *ensera sangkuh agung*.

ABSTRACT

This study aims to unravel the symbolism of animals in Ensera Sangkuh Agung in order to comprehend its spiritual meaning. The oral literature of ensera is rich in language imbued with symbols, emblems, signs, and signifiers. The tukang ensera (storyteller) conveys the narrative through profound experiences, either orally or in written form, to the audience. This activity requires readers to understand the author's cognitive structure, which fuses art with literary diction through the use of symbolism within the Iban sociocultural context. The incorporation of epic elements in Iban ensera is coloured by various heroic characters portrayed through animal symbolism, reflecting spiritual vitality, mystical power, and supernatural wonder. The study employs a qualitative research design through semi-structured interviews conducted with Iban ensera writers as respondents. Edmund Burke's Integrated Aesthetic Theory was applied to interpret the symbolic representations within the ensera. The research instruments include Ensera Sangkuh Agung and a semi-structured interview protocol. The findings categorize two types of sacred animal symbolism, namely mammals and reptiles. The mammals consist of the tiger (remaung) and deer (kijang), while the reptiles include the tortoise (tekura) and python (ular sawa). These animals embody spiritual and sacred elements as they possess powers beyond those of ordinary creatures. All sacred animals in the ensera assist Pandak Seregatak in his journey. The implications of this study serve as an inspiration for new writers to continue producing high-quality literary works for readers. The implementation of this research also represents an effort to showcase the cultural identity of a nation at the international level.

Keyword: wisdom, animal, sacred, ensera sangkuh agung.

PENGENALAN

Perlambangan mewakili adaptasi budaya yang berbeza mengikut kelompok masyarakat yang tertentu. Apabila perlambangan itu semakin diterima dan menjadi sebahagian budaya yang melibatkan elemen kepercayaan, norma dan juga nilai masyarakat. Penerimaan ini yang menyebabkan berlakunya asimilasi perlambangan dengan budaya sehingga menjadi cerminan sesebuah masyarakat. Kebanyakan perlambangan diterjemahkan sebagai elemen dalam penghasilan sastra rakyat yang menjadi perantara sampai makna, nilai moral serta pengajaran dari generasi ke generasi secara lisan dan juga merupakan jambatan antara dunia roh dan dunia manusia.

Dalam sastra rakyat, perlambangan selalunya di dominasi oleh watak binatang yang digunakan untuk melambangkan sifat, watak, dan mesej moral untuk situasi tertentu. Kebanyakan binatang digambarkan dalam kebanyakan tradisi lisan dan tulisan dengan persamaan dengan manusia, seperti kebijaksanaan, keadilan, atau kecurigaan, untuk menggambarkan hubungan sosial, nilai, atau cabaran yang wujud dalam masyarakat. Perbezaan penggunaan watak binatang sebagai perlambangan dalam sastra rakyat dapat dilihat menerusi hasil-hasil karya serata dunia. Penulisan karya sastra bermula dengan karya sastra tradisional yang menjadi tunjang kepada penghasilan karya sastra moden pada hari ini.

Karya sastra tradisional mempunyai unsur tradisi tersendiri yang tidak berubah mengikut peredaran masa (Kamarudin Haji Husin & Siti Hajar, 1999). Namun begitu,

penyampaian karya sastra secara lisan telah menyebabkan isi boleh ditambah dan diubah memandangkan tiada catatan nama pengarang (Chemalin, 2011). Ini kerana Sastra lisan Iban itu sendiri mempunyai sifat yang sangat rapuh. Pemilihan tema, plot dan watak dalam karya sastra Iban sememangnya berkait rapat dengan warisan tradisi dan gaya hidup masyarakat itu sendiri. *Ensera* merupakan sebuah kesusasteraan lisan yang memperlihatkan permulaan sosio budaya masyarakat Iban itu sendiri. Menurut Noriah dan Chemalin (2014), *ensera* mengangkat tema besar dan agung dalam konteks sejarah dan kehidupan bangsanya. Ini membezakannya dengan bentuk puisi atau cerita moden yang menekankan kehidupan dan pengalaman peribadi. Kebanyakan gambaran binatang dalam setiap *ensera* adalah bersifat mitologi yang dipercayai kewujudannya secara turun temurun. Sudah tentu, dalam cerita rakyat lebih cenderung kepada zoologi kuno yang membahas tentang wujudnya makhluk-makhluk sakral dalam bentuk yang hybrid untuk menunjukkan kekuasaan, kesakitan dan kehebatan.

Perkembangan serta dinamik dalam budaya kaum Iban dilihat melalui cara mereka berkomunikasi dengan satu sama lain, unsur kuasa ghaib mahupun dengan alam yang menunjukkan perkaitan sistem manusia dengan elemen alam. Kaum Iban begitu mempercayai kisah-kisah kayangan ini, namun bagi penulis ia nya mungkin hanya mitos semata-mata. Elemen fantasi ini memang sudah sebat di dalam sastra kaum Iban dan karya seni merupakan simbolik kepada budaya kaum Iban yang menerangkan dengan jelas berkaitan dengan gaya kehidupan serta amalan kaum ini. Menurut Banks J.A dan McGee C.A (1989) nilai, simbol, tafsiran serta perspektif telah membezakan masyarakat tradisional dengan masyarakat moden yang lain. Himpunan kesusasteraan lisan ini berkait rapat dengan pengalaman lepas yang dirasakan.

SOROTAN LITERATUR

Kajian dijalankan oleh Dilah Tuah (2021) dalam *Internasional Social Science and Humanities Journal* menerangkan budaya diterjemahkan melalui sastra kerana mempunyai nilai estetik wujud dalam hati nurani pemilik sastra. Ruang lingkup pemiliknya terakam di dalam sastra tersebut dan tidak boleh dipertikaikan. Penerapan budaya berlaku dalam keadaan tidak sedar oleh pengarang kerana sudah terbentuk dalam pemikiran mereka. Kajian ini mendapati pengarang banyak menceritakan budaya kaumnya melalui neratif pengalaman hidup yang dibaca oleh pembaca. Kesannya, pembaca dapat menemukan budaya etnik pelbagai kaum di dalam sastra. Kenyataan ini turut disokong oleh Umar Junus (1986) menegaskan karya sastra sebagai maklumat yang dihasilkan melalui interpretasi dan pengamatan penulis kepada peristiwa berlaku. Begitu juga Duhan (2015) menyatakan sastra terhasil melalui peniruan tingkahlaku manusia dalam masyarakat. Dapatan kajian juga merumuskan pengarang mengangkat peristiwa dalam kehidupan nyata masyarakat mereka untuk diratapi pembaca. Kajian ini mengambil contoh Novel Pindah (1988) karya Jong Chai Lai menceritakan kehidupan Ungging memperjuangkan rumah panjangnya, adat istiadat dan pusaka kaumnya dari ditenggelamkan oleh Projek Hidro Batang Ai. Pembaca dapat menyelami dan menyingkap sosiobudaya masyarakat Iban di Batang Ai, Lubuk Antu. Analisis data kandungan sesuai digunakan untuk kaedah kualitatif seperti yang diaplikasikan dalam kajian ini. Analisis kandungan merangkumi kepercayaan, adat istiadat, kesenian, hukum, peraturan dan sistem nilai tempatan.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Mohamad Ridzuan (2010) yang bertajuk *Kajian Cerita Rakyat Iban: Analisis Dari Aspek Sejarah*, menjelaskan setiap cerita yang dimiliki oleh masyarakat Iban tradisional menerangkan tentang ada istiadat, kegiatan ekonomi, kepercayaan, pemikiran dan *world view*. Kajian ini menggunakan kajian sejarah untuk mengkaji cerita rakyat orang Iban. Turut diperincikan dalam kajian ini ialah tentang pecahan yang terdapat dalam cerita rakyat Iban. Cerita rakyat Iban dibahagikan kepada empat kategori iaitu cerita penjelmaan binatang menjadi manusia, cerita hubungan manusia dengan orang yang sudah meninggal atau hantu, cerita hubungan manusia dengan alam roh dan cerita tentang asal

usul. Pengkaji telah menggunakan beberapa buah cerita rakyat Iban dalam kajian iaitu *cerita Meludai* yang menceritakan tentang watak yang bernama *Aki Angum Gua* yang mempunyai kelebihan dalam mentafsir *alamat* berkaitan dengan binatang. Masyarakat Iban tradisional begitu mempercayai tafsiran alamat kerana ia akan menentukan nasib menimpa mereka sama ada tafsiran yang membawa malapetaka mahupun kehormonian serta keuntungan kepada mereka. Keluarga yang ingkar akan tafsiran tersebut akan ditimpa malapetaka seperti Meludai yang meninggalkan keluarganya sehingga isteri dan anak-anaknya meninggal dunia. Pengkaji juga telah menggunakan *Cerita Ngumbang enggau Berenai* menceritakan tentang kepercayaan masyarakat Iban tentang hubungan mereka dengan *dunya sebayan* (tempat roh orang meninggal). Dalam cerita ini, Berenai telah dibawa kembali ke dunia manusia melalui satu upacara iaitu upacara Belian. Ini membuktikan cerita rakyat masyarakat Iban mempunyai perkaitan dengan kepercayaan mereka terhadap kuasa alam, dunia selepas kematian, unsur kesaktian yang melibatkan binatang dan unsur alam. Menurut Jensen (1974:64), tradisi lisan masyarakat Iban kaya dengan pengetahuan mitologi serta konsep berkaitan dengan dunia roh, adat Iban, pemujaan dan asal usul.

Terjemahan kebudayaan dalam sastera rakyat masyarakat Iban perlu penaakulan yang teliti. Seseorang pengkaji perlu mempunyai kemahiran kognitif yang tinggi untuk memahami budaya dalam sastera. Kajian dijalankan oleh Makla Peter Langan (2023) dalam Jurnal Pendeta bertajuk Analisis Kognitif Etnik Iban dalam *Leka Main* bersandarkan Teori Genus dan Spesies menganalisis gaya pemikiran pengarang. Kajian ini memanfaatkan teori Genus dan Spesies oleh Halliday dan Hassan (1976). Kekuatan kepada kajian ini ialah metodologi yang digunakan iaitu menggabungkan kaedah kualitatif dan disokong oleh kaedah kuantitatif. Hasil kajian ini sangat bermanfaat untuk mengkaji budaya dan pola pemikiran pengarang dalam karya mereka. Dapatan kajian ini menemui beberapa elemen genre dalam karya sastera Iban. Elemen kebudayaan yang diterjemahkan dalam karya ini ialah ekonomi, sosial, tradisi agama, adat kematian dan adat perubahan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sastera rakyat Iban mengalami perkembangan yang pesat seiring dengan perubahan zaman. Perubahan ini menyebabkan sastera rakyat tanpa penyelidikan terancang oleh pemilik budaya. Kajian yang melibatkan sastera rakyat Iban telah dibuat oleh beberapa orang pengkaji sastera seperti Chemaline Osup dan Noriah Taslim (2013) yang telah mengkaji Ensera Ayor, Patricia Ganing (2016) dengan kajian beliau menyentuh tentang *Entelah* Iban dan Ngabong Anak Katoi (2022) dengan fokus kajian terhadap Bentuk dan Isi, Watak dan Perwatakan dan Gaya Bahasa Dalam Puisi Tradisional Iban Timang Jalung. Beberapa kajian yang mengkaji perlambangan dalam puisi invokasi seperti kajian yang dijalankan oleh Patricia dan Asmiaty (2017) memfokuskan kepada ciri-ciri perlambangan Kumang iaitu keangunan wanita, kecantikan dan kemahiran. Kajian yang dijalankan ini, masih secara umum dari skop perlambangan habitat dan hubungkaitnya dengan mitologi masyarakat Iban. Begitu juga dengan kajian Bejamin (2020) menganalisis perlambangan dalam puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang*. Ini membuktikan banyak perlambangan belum dirungkai daripada aspek terutamanya perlambangan binatang dalam sastera rakyat. Kesannya, merasionalkan kajian berlandaskan perlambangan binatang dalam Ensera Sangkuh Agung dilaksanakan.

Diksi dalam *ensera* dimuatkan dengan elemen legenda namun unsur-unsur dalaman yang membentuk perbendaharaan kata sangat unik. Teknik penceritaan dengan menambah unsur perlambangan dalam *ensera* bagi menyampaikan maksud pandangan berbeza berdasarkan tafsiran pembaca. Pemilihan perlambangan bukan sekadar memenuhi teknik penceritaan naratif sastera tetapi memberikan nilai estetik yang tinggi dalam karya. Shahnnon Ahmad (1991), menyatakan sastera berintipatikan isi hati pemilik budaya dihubungkan dengan persekitaran budaya termasuk masyarakat sekeliling terangkum dalam isi karya yang konkrit

tanpa dipertikaikan. Jadi, kajian ini dapat menjelaskan makna unsur perlambangan dalam *ensera* Sangkuh Agung.

Pembacaan lanjutan terhadap kajian sastra lepas membuktikan perlambangan sebagai alat bahasa sastra, kesantunan bahasa dan teknik pengarang merendah diri (Khatijah Mohd. Yatim, 2016: 188). Sastra rakyat Iban memiliki ciri indah dalam penulisan karyanya sekiranya dianalisis secara terancang. Diksi sastra rakyat Iban tidak boleh lari dari unsur epik, seni yang dramatik dan keajaiban menggunakan perlambangan. Kebanyakan unsur sastra hikayat seperti *ensera* Sangkuh Agung menekankan penggunaan bahasa dalam bentuk imej dan lambang. Unsur bahasa ini terkandung dalam sastra rakyat Iban yang perlu diteroka atau dianalisis oleh pengkaji budaya orang Iban.

Dalam kesusasteraan masyarakat Iban, *ensera* mengandungi bahasa memuatkan simbol sakral, lambang, tanda dan penanda. Ciri-ciri simbol sakral dalam *ensera* Iban diwarnai dengan pelbagai watak pahlawan yang digambarkan dengan perlambangan haiwan mahupun alam sekitar untuk menyampaikan semangat spiritual kuasa sakti penuh keajaiban serta misteri. Walau bagaimanapun kurang kajian terhadap *ensera* Iban menyebabkan perlambangan binatang sakral serta sejarah simbol binatang dalam *ensera* masih lagi belum dirungkai secara mendalam. Bahasa sastra etnik Iban perlu dikaji kerana mempunyai nilai sejarah yang perlu dihargai agar dapat dijadikan sebagai khazanah pengetahuan. Binatang sakral telah melahirkan konsep spiritual masyarakat Iban berlandaskan hubungan mereka dengan alam nyata dan alam ghaib. Hubungan ini menjadi asas dan pegangan hidup masyarakat Iban untuk menjamin keharmonian alam. Spiritual melahirkan kepercayaan alam selepas mati (*menua sebayan*) (Masing, 1997). Konsep spiritual bersandarkan semua benda hidup terutamanya binatang mempunyai *semangat* (roh), *bunsu* (hantu atau bunian) dan *Petara* (dewa) mempengaruhi kehidupan orang Iban (Chemaline, 2011). Roh menjelma dalam pelbagai bentuk seperti melalui binatang yang memiliki kuasa supernatural membantu dan menjadi perantaraan mereka. Hubungan spiritual yang baik mampu mewujudkan suasana timbal balik antara orang Iban dengan roh. *Tukang ensera* (penglipur lara) berperanan penting menterjemahkan unsur spiritual dalam sastra melalui simbol atau perlambangan binatang sakral. Peranan mereka menyampaikan mesej spiritual dalam *ensera*. Spiritual membantu membina peranan binatang sakral mengetengahkan, mengagungkan dan memuliakan kisah-kisah epik atau pahlawan masyarakat Iban untuk diangkat sebagai watak utama. Sekiranya binatang sakral yang berkaitan dengan spiritual sukar ditafsir dan difahami pembaca maka merencatkan apresiasi terhadap karya *ensera*.


OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini merungkai simbol binatang sakral dalam *Ensera Sangkuh Agung* untuk memahami makna spiritual.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian kualitatif. Pendekatan digunakan sebagai kaedah kajian lapangan bagi mendapatkan maklumat secara terperinci mengenai permasalahan kajian dan membantu pengkaji untuk menganalisis sastra rakyat Iban. Melalui kaedah ini pengkaji dapat mengumpul data dengan terperinci. Kaedah ini telah digunakan oleh dua orang penyelidik dari negara luar iaitu Jacob Grimm dan Wilhelm Grimm pada awal abad ke-19 bagi menghimpunkan cerita rakyat Jerman (Sidek, 2002). Penyelidikan kualitatif sangat sesuai digunakan dalam penyelidikan ini seperti mana yang telah ditekaskan sebelum ini. Pemilihan kaedah kajian jenis ini sangat relevan untuk menjelaskan sesuatu fenomena bersifat subjektif yang tidak dapat dijelaskan dengan data numerikal (Chua Yan Piaw, 2011). Pengkajian ini bersifat anti-positivisme menyebabkan banyak perkara perlu difahami dan diselidiki

menggunakan penelitian terperinci. Fenomena pengkajian seperti puitika sastra rakyat Iban perlu dilihat dari pelbagai sudut dan perspektif berbeza.




Rajah 1: Kerangka Kajian

PRINSIP-PRINSIP TEORI ESTETIKA BERSEPADU EDMUND BURKE FELDMAN (1994)

Konsep Estetika merupakan ilmu pengetahuan diperolehi dari pengamatan atau pengetahuan pancaindera yang memberi kesan dalaman, menghubungkan estetika dengan teori cita rasa ke arah tradisi empirisme, platonisme dan neoplatonisme (Feldman, 1994). Berdasarkan ini, estetika ditakrifkan sebagai hubungan kebudayaan yang mengandungi nilai, teladan dan kepercayaan tentang seni. Unsur ini mendasari penghasilan kesusasteraan yang disesuaikan dengan keadaan, kebudayaan dan ketamadunan yang berlaku di suatu kawasan.

Feldman (1994) berpendapat keindahan menerapkan unsur kebudayaan kerana budaya menentukan pola, corak dan gaya hidup kumpulan masyarakat sebagai pemilik budaya sejati. Manusia mencipta dimensi karya mengikut kesesuaian dan cita rasa masing-masing. Oleh itu,

kebudayaan membentuk keseluruhan pengetahuan, kepercayaan dan nilai yang membentuk sistem makna dan pola simbol dalam karya. Unsur kebudayaan dapat diketengahkan dalam sastra dengan menerapkan ilmu pengetahuan, keagamaan, etika dan estetika. Manusia mengekspresikan budaya mereka dalam karya. Feldman (1994) telah mengelaskan pengamatan kepada empat peringkat iaitu:



Rajah 2: Empat peringkat pengamatan Feldman (1994).

Penghasilan karya dapat digambarkan melalui kronologi keseluruhan proses untuk melihat persamaan, kepelbagaiaan, mengetahui penekanan dan objektif karya seni (Subramaniam, 2016). Peringkat ini dikenali sebagai penerangan. Proses ini melibatkan perkara asas dalam karya sastra. Pemerhatian boleh difokuskan kepada keterangan karya secara bertulis, tajuk karya dan kenyataan yang digunakan untuk menghasilkan karya. Penggunaan unsur-unsur sastra boleh dikenalpasti untuk membantu membuat rujukan berkenaan dengan gaya karya seperti gaya realistik. *Ensera Sangkuh Agung* menampilkan watak Sangkuh Agung sebagai watak utama. Bagi menyokong watak utama, karya ini menerapkan simbol binatang berdasarkan kepercayaan masyarakat Iban. Neratif *ensera* ini disusun berdasarkan gaya penceritaan seperti simbolik, dialog, epik dan didaktik.


Peringkat kedua pula ialah menganalisis sesuatu karya. Tafsiran dari sudut ini boleh mengambil kira unsur dan prinsip seni yang diadaptasikan dalam sesuatu karya. Peringkat ini lebih mengutamakan penilaian terhadap elemen dan prinsip karya yang digunakan. Pemahaman di peringkat pertama perlu digabungkan supaya memberikan maklumat yang ingin disampaikan dalam karya. Maksudnya, peringkat ini menekankan cara penghasilan karya. Pembaca boleh menghubungkaitkan proses, teknik, isi dan makna untuk mencari hubungan persoalan dan estetik karya sastra (Barett, 1994). Struktur *Ensera Sangkuh Agung* terbina dari neratif berdasarkan pengalaman penulis tentang budaya masyarakat Iban. Ia juga menggunakan dialog untuk melengkapkan neratif *ensera*. Gabungan elemen ini telah mencipta keindahan dan memaparkan estetik *ensera* untuk menghasilkan makna.

Peringkat ketiga ialah membuat tafsiran terhadap karya. Tafsiran ini memerlukan pemerhatian yang lebih mendalam. Pembaca perlu menyelami persoalan yang ingin disampaikan dalam karya (Subramaniam, etd, 2016). Fasa ini memerlukan pembaca karya memahami bahasa ekspresif mewakili maksud tersurat dan tersirat yang disampaikan. Fasa ini berkait rapat untuk meneroka idea dan memahami peristiwa secara naratif karya kesusasteraan. Penerokaan terhadap simbol binatang melalui *Ensera Sangkuh Agung* ditafsirkan sebagai makhluk spiritual dan sakral dalam kosmologi budaya orang Iban. Kehebatan luar biasa makhluk ini mampu memberikan pertolongan atau bantuan kepada Sangkuh Agung mengembara.

Peringkat terakhir ialah membuat penilaian terhadap karya. Pembaca boleh melihat kualiti pengkaryaan dari aspek kelemahan atau kekuatan karya tersebut. Penilaian ini merangkumi aspek struktur dalaman karya seperti gaya bahasa dan sebagainya. Pembaca boleh


mengetahui sesuatu karya mempunyai nilai estetik, mempunyai identiti sendiri atau keasliannya diragui (George, 1980). Penilaian yang tepat mencerminkan *Ensera Sangkuh Agung* dihargai dan karya bernilai tinggi dalam konteks budaya masyarakat Iban.

ANALISIS DATA



Rajah 3: Model Analisis Data: Miles dan Huberman (2014)

Kajian Bagi menganalisis data, pengkaji menggunakan empat parameter yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (2014) kerana model analisis data yang lebih sistematik dan mempunyai struktur yang teratur. Model Miles dan Huberman membolehkan penelitian data teks dalam jumlah yang besar dianalisis secara mendalam dan reflektif.



Rajah 4: Proses Analisis Data: Model Miles dan Huberman (2014)

Reduksi Data

Merupakan proses bagi melakukan pemilihan, pemfokusan, penyederhanaan dan mentrasformasikan data yang baru diperoleh dari bahan kajian (Miles & Huberman, 2014). Data-data tersebut disusun menggunakan tema bagi menghasilkan sinopsis data. Manakala data yang tidak relevan atau berulang tidak akan diguna sebagai data kajian. Hal ini bertujuan agar perolehan data yang kompleks dapat dipermudahkan dan dikurangkan tanpa menyingkirkan makna sebenar sesebuah data.

Paparan Data

Paparan data merujuk kepada langkah penyusunan bagi penganalisan lanjutan untuk menghasilkan verifikasi. Data akan dipaparkan dalam bentuk grafik, rangkaian atau carta. Bagi menghasilkan paparan data, satu visualisasi ringkas data akan dihasilkan dengan menggunakan teknik seperti carta alir dan grafik hubungan. Ini bertujuan agar memudahkan pengkaji memahami dan menginterpretasi data yang lebih mendalam (George, & Mark, 1980).


Verifikasi

Proses Verifikasi bermula dengan membuat pra interpretasi berdasarkan paparan data. Kesimpulan dilakukan melalui triangulasi bagi memastikan keabsahan agar mendapat kesimpulan yang konsisten dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Chua Yan Piaw, 2011).

Cara analisis teks *ensera*

Analisis teks *ensera* melibatkan langkah yang terperinci untuk memahami, membuat tafsiran dan merungkai karya sastra. Permulaan analisis teks *ensera* adalah melalui pembacaan awal bagi memahami secara umum plot, watak, tema serta gaya penulisan sesebuah *ensera*. Analisis unsur naratif adalah tujuan mengenalpasti struktur plot, penelitian watak utama dan sampingan terutamanya dari segi perkembangan watak, tema dan watak (Shahnon, 1991). Elemen gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang dalam menghidupkan nada dan suasana teks *ensera* penting dalam sesebuah karya sastra oleh itu analisis gaya bahasa harus diberi tumpuan. Penyelidik juga membuat penelitian dari aspek struktur dan bentuk teks *ensera* bagi memahami susunan teks untuk memahami nilai perjalanan teks *ensera*. Kesemua analisis digabungkan bagi mentafsir makna keseluruhan teks dan membuat verifikasi ataupun kesimpulan tentang mesej atau nilai yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam karya-karyanya. Melalui proses analisis ini, penyelidik dapat melakukan analisis teks sastra secara menyeluruh dan lebih mendalam bukan sahaja dari segi kandungan dan struktur teks tetapi juga dari aspek makna dan nilai yang ingin disampaikan oleh pengarang.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN



Rajah 5: Kategori Binatang dalam *Ensera Sangkuh Agung*

Unsur sakral dalam *Ensera Sangkuh Agung* berdasarkan mitologi *pengarap lama* masyarakat Iban. Asal usul kepercayaan lama dikaitkan dengan kepercayaan animisme orang Iban yang mempercayai semua benda hidup mempunyai semangat (semangat). Kepercayaan ini berkaitan dengan alam, dewa dan binatang sebagai makhluk bernyawa untuk dihormati. Bagi menghormati semangat ini, masyarakat Iban mengadakan ritual untuk mengelakkan malapetaka atau memohon bantuan seperti dalam *Ensera Sangkuh Agung* iaitu binatang sebagai alat pengangkutan untuk membantu pengembaraan Pandak Seregatak. Interpretasi simbol binatang cenderung mendominasi karya *Ensera Sangkuh Agung* kerana jelmaannya sebagai makhluk separa binatang berperanan penting membantu Pandak Seregatak.

Dapatan analisis teks *Ensera Sangkuh Agung*, membuktikan empat binatang yang melambangkan unsur spiritual. Perbandingan terhadap empat binatang mempunyai ciri mistik masing-masing. Perlambangan ini diwakili oleh *Tekura Jaung* (kura-kura), ular sawa, *remaung* (harimau) dan kijang. *Tekura Jaung* simbol keramat kepada masyarakat Iban seperti makhluk berkepala manusia. Kepercayaan orang Iban *Tekura Jaung* simbol azimat kelimpahan makanan. Dalam kebanyakan mitos, *remaung* merupakan binatang yang mempunyai perwatakan yang ganas dan merupakan pemangsa. Namun dalam *Ensera Sangkuh Agung* *remaung* adalah pemberi kekuatan spiritual melalui azimat *penungkam gayung dalam* dan pakaian kebal *gagung* yang bukan sahaja meningkatkan kekuatan fizikal, tetapi juga mentransformasi pemiliknya yang menandakan wujudnya kekuasaan luar biasa. Unsur spiritual dalam diri Raja Nabau ini dapat dilihat apabila terdapat bahagian badannya yang tercabut atau terputus maka ia akan berubah menjadi satu kuasa spiritual. Keajaiban dimilikinya bersifat pelindung dan benteng daripada ancaman roh. Kijang (*telanjing*) berperanan sebagai penguji spiritual. Jika manusia mempunyai ketamakan dalam diri mereka, maka mereka terperangkap dengan muslihat bunsu *telanjing* ini. Dalam *Ensera Sangkuh Agung*, *telanjing* telah membantu Apai Jais dengan memberikan azimat *tanduk muntat* dan ini membuktikan bahawa roh kijang memberikan perlindungan spirituliti kepada pemilik budaya.

Perlambangan binatang dalam *ensera* ini memberi satu bentuk lingkaran hubungan yang kukuh dan harmoni di antara manusia, alam dan dunia roh yang membentuk satu bentuk kepercayaan spiritual yang diwarisi untuk memberi keseimbangan dalam melalui kosmologi masyarakat Iban. Ia memaparkan kesedaran kepada pencipta alam dan mendorong masyarakat Iban menghargai alam spiritual. Bagi mereka keseimbangan ini dapat mengelakkan malapetaka dan menyinggung roh yang mengakibatkan bencana. Makna spiritual konteks budaya orang Iban ditonjolkan melalui pelbagai ciri sakral yang dimiliki oleh binatang. Dalam analisis teks *Ensera Sangkuh Agung* makna spiritual membuktikan setiap makhluk hidup mempunyai *semangat* (semangat) dan ini menunjukkan keselarian unsur spiritual yang dimiliki oleh binatang dengan kepercayaan animisme masyarakat Iban.

Perlambangan binatang spiritual *Ensera Sangkuh Agung* dapat dibuktikan dengan keadaan wujudnya yang separa manusia dan mempunyai kuasa sakral yang tidak dapat dilihat secara fizikal namun dipercayai mempunyai pengaruh yang penting dalam kehidupan manusia. Kuasa sakral yang dimiliki oleh binatang ini digunakan sama ada sebagai azimat perlindungan, penyembuhan, kelangsungan hidup mahupun memberikan kekuatan yang luar biasa kepada sesiapa saja yang terpilih untuk memiliki kuasa sakral tersebut. Kuasa spiritual yang ada yang dimiliki oleh binatang itu membolehkan mereka menjadi medium komunikasi diantara dunia roh dan juga manusia yang menjadi asas kepada pembentukan sistem kepercayaan masyarakat Iban.

Tekura Jaung

Kura-kura Jaung sejenis binatang separa manusia yang diterjemahkan iaitu memiliki kepala manusia dan badannya kura-kura. Kura-kura Jaung dalam *Ensera Sangkuh Agung* memiliki ciri yang unik seperti boleh bercakap dan memiliki azimat. *Tekura Jaung* merupakan *Bunsu*

yang memimpin kumpulan kura-kura. Keunikan ini ditekankan dan memberikan kelebihan kepada Kura Jaung membantu perjuangan Pandak Seregatak.

“Penghulu Tekura Jaung dulu ngasuh bini iya mekal Apai Jais enggau telu bungas ti baru diadaka anak indu iya.”

(Dibali ari, Ensera Sangkuh Agung, 2020: 27)

Terjemahan :

“Penghulu Tekura Jaung meminta isteri nya memberikan telur pertama yang baru sahaja dilahirkan oleh anak perempuan kepada Apai Jais sebagai bekalan Apai Jais. ”

(Diubahsuai dari , Ensera Sangkuh Agung, 2020:21)

Kura-kura memiliki cengkerang yang sangat keras simbol kepada kekebalan (Janang, 2025). Ciri sakral dimiliki kura-kura ini ibarat seorang lelaki yang dilindungi oleh roh sehingga memberikan kesan spiritual dan motivasi yang tinggi. *Ensera Sangkuh Agung* telah memberikan kefahaman kepada pembaca bahasa manusia boleh dihubungkan dengan binatang secara harmoni seperti ditekankan dalam tindakan Tekura Jaung sanggup memberikan Apai Jais harta yang paling berharga iaitu *telu bungas* (telur pertama). Bukti ini mencerminkan kosmologi budaya orang Iban dihubungkan dengan alam. *Telu bungas* sebagai azimat meneruskan kelangsungan hidup semasa mengembara. Kesannya, menyebabkan Apai Jais tidak mudah kelaparan dan kekurangan makanan (Janang, 2025).

Ular Sawa

Mitos ular sawa dipercayai jelmaan bekas pahlawan dalam bentuk *nabau*. Kemunculan nabau ibarat memberi nafas baru kepada orang Iban. Jelmaan nabau memiliki persamaan dengan raja berani yang bijak dan kaya (Sutlive, 1994:34). Menurut *Ensera Sangkuh Agung*, *nabau* binatang berkepala manusia dan berkomunikasi secara verbal dengan Apai Jais. *Nabau* mempunyai penglihatan yang sangat tajam dan kekuatan luar biasa. Unsur-unsur magis *nabau* dimanfaatkan oleh Apai Jais mengharungi pengembaraannya.

“Tang mih mata Raja Nabau nadai utai enda ngelansik-lansik nya tepedaka kenaya iya. Sereta tepedaka iya, Raja Nabau pan lalu kaung-kaung pinta tulung iya ngatur laya sawa enggau Babi Bandam. Laya antara Sawa enggau babi mujur udah diatur. Raja Nabau lalu nyuaka sebengkah pengaruh ti diulih iya ari pemutul iku iya-empu iya nya Ubat penyangga nyawa ke tanda iya berterima kasih”

(Dibali ari, Ensera Sangkuh Agung, 2020: 29,30)

Terjemahan :

“Raja Nabau mempunyai penglihatan yang sangat tajam dan mampu melihat bayangan dari tempat jauh. Dia pun memanggil Apai Jais untuk membantu mereka menyelesaikan persengketaan. Akhirnya persengketaan tersebut dapat diselesaikan dengan adil. Raja Nabau lalu menghadiahkan Apai Jais azimat *penyangga nyawa* yang merupakan hujung ekor nya yang sudah terputus sebagai tanda terima kasih ”

(Diubahsuai dari , Ensera Sangkuh Agung, 2020:29,30)

Ular sawa yang dikenali sebagai Raja Nabau dalam *Ensera Sangkuh Agung* telah menghadiahkan Apai Jais azimat terbentuk dari hujung ekor nya yang terputus. Azimat tersebut berfungsi sebagai ubat kebal yang memberikan kelebihan kepada pemilik azimat untuk bertahan daripada sebarang serangan bersenjata ataupun ilmu sihir. Pemberian azimat ini menunjukkan kepercayaan Raja Nabau kepada Apai Jais kerana kebijaksanaan dan keadilan nya dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan. Ciri Sakral yang dimiliki oleh Raja Nabau ini telah menjadikan ianya binatang yang mempunyai kuasa spiritual sehingga setiap bahagian anggota badan nya boleh dijadikan sebahagian azimat (Kiyai & Tugang, 2023).

Dalam kosmologi *pengarap lama* masyarakat Iban *nabau* merupakan pelindung budaya yang mewakili *semangat* (roh) nenek moyang mereka di dunia Panggau Libau (Janowski, 2019). Jelmaan ular sebagai makhluk mitologi adalah berkaitan dengan identiti budaya masyarakat Iban serta mempunyai peranan sebagai warisan tak ketara dalam kepercayaan serta simbol pelindung masyarakat. Sifat yang ada pada Raja Nabau menunjukkan ia mempunyai sebagai binatang yang penuh dengan misteri dan mempunyai kuasa yang luar biasa (Kiyai, 2022).

Remaung

Dalam sastra lisan tradisional masyarakat Iban, remaung digambarkan sebagai binatang yang berkepala manusia yang mempunyai kuasa yang luar biasa. Remaung hanya akan menjelma seperti fitrah asal nya apabila memburu manusia dan kembali semula kepada bentuk separa manusia selepas memakan mangsa nya (Janang, 2025). Mitos orang Iban menerangkan remaung tinggal dalam lubang gua yang besar. Ciri ini menjadikan remaung sejenis makhluk penghendap tetapi menonjolkan diri ketika diancam. *Pengaruh penungkam gayung dalam* diberikan remaung kepada Apai Jais bertindak sebagai pendorong dan menguatkan semangat.

“Meda Apai Burung Geruna lalu entuie, laban nyau nangika diri tepagang di puchuk buran kemantan Ukit, ngelu binjai Kantu, dia Apai Jais lalu mutarka akal, pekira dada. Diulihka iya penungkam gayung dalam. Dipansutka iya penunduk tanduk pelanduk. Tak tekalanya, iya ensepi puchuk Buran ngenjing berenyang asaika diguyat endur Bunsu Geruna ke muka sayap iya sereta engkebab terebai.”

(Dibali ari, Ensera Sangkuh Agung, 2020: 57)

Terjemahan :

“Apai Jais berasa takut diri nya terkurung di Puchuk Buran Kemantan Ukit, Ngelu Binjai Kantu kerana melihat Apai Burung Geruna masih tidak bergerak. Apai Jais pun mengeluarkan penungkam gayung dalam dan penunduk tanduk pelanduk lalu tak semena-mena dia merasakan Puchuk Buran Kemantan Ukit, Ngelu Binjai Kantu bergegar seperti digoncang dek kerana Bunsu Geruna yang memuka sayap nya untuk bersedia terbang. ”

(Diubahsuai dari , Ensera Sangkuh Agung, 2020:57)

Apai Jais menggunakan *pengaruh penungkam dalam* untuk memujuk burung geruna yang sedang lena tidur. Kesannya, burung itu terus bangun mengejut dan melebarkan sayapnya bersedia untuk terbang. Ini menjadikan *pengaruh* itu memberikan kekuatan yang luar biasa kepada burung geruna untuk dijadikan sebagai alat penyelamat dan pengangkutan kepada Apai Jais. Tindak tanduk burung geruna selepas Apai Jais menggunakan *pengaruh* menunjukkan keberkesanan azimat yang diberikan oleh remaung. Tindak tanduk mereka yang memiliki azimat atau pengaruh ini bertindak tidak terburu-buru tetapi sentiasa bersedia menghadapi tentangan (Subet, etl. 2023).

“Peda datai bala pelai lalu ngambi ari iya kelambi. Peda datai ga kaban nyelutung lalu merubuska labung ti dijali sida ngagai iya. Sereta Sawa Besima Belalang terbuka ari sarung iya, iya terus pulai nyadi Sangkuh Agung, Pedawan Busung. Lalu jampat-jampat dipasukka iya gagung remaung lubang”

(Dibali ari, Ensera Sangkuh Agung, 2020: 236)

Terjemahan :

“Tiba-tiba bala pelai dan bala nyelutung datang dan melepaskan kain yang diberikan kepada dia. Sawa Besima Belalang terbuka dari sarungnya dan terus bertukar menjadi Sangkuh Agung, Pedawan Busung. Dia pun dengan pantas menyarungkan gagung remaung lubang.”

(Diubahsuai dari , Ensera Sangkuh Agung, 2020:236)

Baju diberikan oleh remaung iaitu *gagung* menjadi simbol keberanian, kekuatan dan kebal daripada senjata. Ini memperlihatkan *gagung ramaung lubang* dapat membantu Sangkuh Agung dan melindunginya semasa bertempur dengan Raja Ribai. Pegangan kepercayaan ini memberikan kekuatan spiritual kepada pemiliknya dan memotivasikan diri mereka mengharungi cabaran mendatang. Pemiliknya menganggap diri mereka terlindung sepenuhnya oleh perisai ibarat menyarung terabai atau baju perisai (Asri, 2024).

“Udah mih pekayan chukup ngepa, udah mih pengaruh genap tubuh, ubat nadai kurang iya lalu manjung benyawa inggar. Panjung Sangkuh Agung ngenying tetaung, ngebuska kebung langit ngeruang, peda lalu dih gupung bintang beguang. Terais enggi iya sigi rais-rais, ngebuska pintu telesai ambun bintang midang, peda lalu tersambur beris ujan jarang. Tempalau iya kalau-kalau, ngebuska singka miga meranggang, peda lalu begurau dih sintau kemarau langkang”

(Dibali ari, Ensera Sangkuh Agung, 2020: 236)

Terjemahan :

“Selepas segala persiapan pakaian dan azimat dikenakan di setiap tubuh, dia pun mengeluarkan laungan. Laungan Sangkuh Agung yang nyaring sehingga langit biru. Laungan itu juga menyebabkan seolah-olah ruang angkasa terbelah dua sehingga menyebabkan hujan dan panas berlaku serentak.”

(Diubahsuai dari , Ensera Sangkuh Agung, 2020:236)

Gagung remaung lubang yang diberikan oleh remaung turut dimuatkan dengan unsur metafora untuk memberikan kesan dramatik yang memperlihatkan kekuasaan dan kesaktiaan *gagung remaung lubang*. Naratif ini menambahkan keberkesanan barang pemberian oleh remaung. Sebagai contoh, apabila Sangkuh Agung menyarungkan *gagung remaung lubang* tiba-tiba perubahan cuaca berlaku seperti tiupan angin kuat dan hujan panas di siang hari.

Kijang

Kijang merupakan diantara binatang yang menjadi *burung* (petanda) dalam masyarakat Iban primitif terutamanya dalam pengembaraan, upacara adat, pertanian dan pemburuan. Menurut

Sandin (1994), Bagi mereka kijang juga merupakan binatang yang membawa maksud spiritual dalam pelbagai upacara adat terutamanya seperti *pelian* dan *miring*. Mereka mempercayai bahawa kijang adalah utusan daripada roh. Jika pengembara terdengar bunyi jeritan kijang maka itu dianggap sebagai satu petanda yang tidak baik dan mereka perlu berpatah balik bagi mengelakkan diri ditimpa sebarang musibah yang boleh mendatangkan bahaya kepada nyawa mereka. Namun begitu, dalam *Ensera Sangkuh Agung*, kijang wujud dalam bentuk roh perempuan yang dikenali sebagai *Cherining Jerenang Kuning Pengelinsu Puting Laja Diatung, Telanjing Dara Manis Muka* yang merupakan anak tunggal kepada Bunsu Telanjing (Janang, 1990).

“Tubuh iya nerabai ranjing. Rekung nyerenggau. Burak btau-betau. Buk iya panjai bedepa-depa”

(Dibali ari, *Ensera Sangkuh Agung*, 2020: 74)

Terjemahan :

“Badan nya kuat dan tegap. Leher nya panjang. Kulit nya kelihatan putih. Rambut nya panjang berdepa-depa”

(Diubahsuai dari , *Ensera Sangkuh Agung*, 2020:74)

Ciri fizikal kijang yang ditonjolkan dalam *Ensera Sangkuh Agung* adalah lebih berbeza dengan kewujudan asal ciri fizikal nya kerana dalam *ensera* masyarakat Iban Kijang merupakan roh yang mempunyai paras rupa yang cantik, memiliki rambut yang panjang mengurai. Mengikut mitos, roh ini sering terlihat mandi di *Wung beringkat semilan*. Roh kijang dikenali melalui *Telanjing/Entelanjing* selalu mengumpun lelaki sekiranya berada di hutan dengan paras rupa yang cantik. Bunsu *Entelanjing* suka menjamu roh manusia (Kiyai, 2022). Sekiranya mereka terpicat dengan kecantikan *Entelanjing* serta mengikutinya ke alam lain dikenali sebagai alam bunian. Oleh kerana Apai Jais memiliki pendinding roh, maka dia terselamat dari gangguan *Entelanjing* serta membantunya meneruskan pengembaraan. Telanjing kijang telah memberikan Apai Jais satu bentuk azimat yang digelar *tanduk muntat* yang berfungsi sebagai perisai kepada pemilik nya agar badan menjadi kebal. Kebolehan spiritual yang dimiliki oleh Telanjing Kijang ini menjadikannya roh suci yang penting dalam spritualiti pemilik budaya. Hubungan ini merangkumi pelbagai aspek bermula dari perhubungan antara dunia manusia dan roh serta ke aspek penyembuhan sehingga memperkukuhkan kefahaman tentang konsep spritualiti dalam masyarakat Iban (Bejamin & Osup, 2020).

KESIMPULAN

Unsur spiritual membina hubungan manusia dengan binatang secara harmoni. Hubungan ini memberikan kekuatan luar biasa melalui *semangat* yang dizahirkan secara rohaniah. Secara tidak langsung kekuatan fizikal terdorong oleh hubungan rohaniah dan spiritual bergabung memberi keberanian untuk berjuang. Kesan spiritual terdorong oleh kepercayaan mistik terhadap binatang. Kepercayaan ini melingkari sosiobudaya masyarakat Iban yang dikenali sebagai *pengarap lama* dan diperturunkan dari generasi ke generasi melalui lisan atau bertulis dalam kesusasteraan masyarakat Iban seperti *ensera*. Bagi mengukuhkan hubungan dan keharmonian diantara manusia dan binatang maka wujud lah ritual penghormatan atau penghargaan untuk memohon pertolongan kepada alam dan penghuni alam. Perlakuan ini menunjukkan kehidupan masyarakat Iban sangat bergantung dan mempercayai alam mempunyai semangat yang boleh membantu mereka. Jadi makhluk alam mewujudkan keseimbangan spiritual dengan ekosistem masyarakat Iban. Maka wujud kepercayaan mempersembahkan jamuan melalui upacara *miring* dan korban. Naratif *Ensera Sangkuh Agung*

secara umum telah memberikan gambaran kepada pembaca betapa rumit adat dan budaya masyarakat Iban dari dahulu sehingga kini.

RUJUKAN

- Adilawati, A. (2024). *Legasi Parang Ilang Sebagai Logistik Perang Dalam Budaya Iban Di Sarawak*. Jurnal Kinabalu Bil 30, 109-123, Disember 2024 e-ISSN: 2600-867X.
- Patricia, G. & Asmiaty, A. (2017). *Watak Dewi Kumang dalam Entelah (teka-teki) Iban: Interpretasi makna kuasa sakti*. Gendang Alam, 7, 19–33.
- Banks, J. A., & McGee Banks, C. A. (Eds.). (1989). *Multicultural education: Issues and perspectives*. Allyn & Bacon.
- Barrett, T. (1994). *Criticizing art: Understanding the contemporary*. Mayfield Publishing Company.
- Bejamin, L. (2021). *Fungsi dan simbolisme dalam puisi pengap Gawai Pangkung Tiang*. Tesis Ijazah Sarja. Fakulti Bahasa dan Komunikasi. UPSI.
- Chemaline, O. (2011). *Waris Daya Idup Iban Vol. I, II, & III*. Pegari Iban Production.
- Chemaline, O. & Noriah, T. (2013). *Ensera Ayor: Epik rakyat Iban*. Publisher, Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah Penyelidikan Kualitatif: Edisi Kedua*. Mc Graw Hill.
- Duhan, R. (2015). *The Relationship between Literature and Society*. Language in India, Vol. 15 Issue 4, 192-202.
- Feldman, E. B. (1994). *Practical art criticism*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Gregory, K. K. & Noria, T. (2023). *Artifak Sakral Dalam Budaya Iban Di Sarawak*. Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies, 41(1).
- Gregory, K. (2022). *Batu Nabau: A rock formation phenomenon in the context of legends and intangible heritage of the Iban people*. Geografia Malaysian Journal of Society and Space.
- George, L., & Mark, J. (1980). *The Metaphorical Structure of the Human Conceptual System*. Cognitive Science, 4, (195-208). Proceeding paper.
- Jensen, E. (1974). *The Iban and Their Religion*. Clarendon Press.
- Jong, C. L. (1987). *Pindah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Junus, U. (1986). *Sosiologi sastra : persoalan teori dan metode*. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Khatijah, M. Y. (2016). *Hikayat Char Darwis: Kajian berdasarkan teori puitika sastra Melayu*. Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Kamarudin, Hj. H. & Siti, Hj. & Abdul, A. (1998). *Kesusasteraan dan Pengajaran* oleh Penerbit: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Langan, M. P. & Sarudin, A. (2023). *Analisis kognitif etnik Iban dalam Leka Main berdasarkan Teori Genus dan Spesies*. PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature, 14(2), 97-108.

- Liam, B. & Osup, C. (2020). *Unsur Simbolisme Dalam Pengap Gawai Pangkung Tiang*. PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature, 11(2), 55-69. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.5.2020>
- Miles, M. B., Huberman, A. M. & Saldaña, J. (2014). *Qualitative Data Analysis: A Methods Sourcebook* (3rd ed.). Sage Publications.
- Ngabong, K. (2022). *Bentuk Dan Isi, Watak Dan Perwatakan Dan Gaya Bahasa Dalam Puisi Tradisional Iban Timang Jalung*. Tesis. FBK: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Patricia, G. (2016). *Tanda, Penanda, Petanda Dalam Entelah Iban*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Falkulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan: Universiti Malaysia Sabah.
- Ridzuan, M. (2010). *Cerita Rakyat Iban: Analisis Dari Aspek Sejarah*.
- Shahnon, A. (1991). *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Subramaniam, M., Hanafi, J., & Putih, A.B. (2016). *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 4 (1), 57-67.
- Sutlive & Vinson. (1994). *Handy reference Iban-English Dictionary*. Tun Jugah Foundation.
- Tuah, D. (2021). *Citra Sosiobudaya Membentuk Identiti Kepengarangan Penulis Bumi Kenyalang: Satu Sorotan*. AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal, 4(2), 1-14.